

0556

B B900 AAB
MAHATHIR - UCAPAN R R R

(EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS 7 MALAM INI, 20 NOV).

(I)

BEIJING, 20 NOV (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMED HARI INI MENYARANKAN AGAR CORAK PERHUBUNGAN MALAYSIA

- CHINA DITUKAR MENJADI ALAT YANG DINAMIK YANG DAPAT MEMBAIKI HUBUNGAN SECARA BERTERUSAN.

SAMBIL MENGGESA KEDUA-DUA NEGARA MENKAKAJI SECARA +JUJUR DAN RASIONAL+ HUBUNGAN MEREKA BAGI MENYELESAIKAN MASALAH-MASALAH YANG WUJUD, BELIAU BERKATA HUBUNGAN MASA DEPAN MESTILAH MEMPUNYAI MAKNA -- DAN KERJASAMA EKONOMI DAN PERDAGANGAN MENAWARKAN PELBAGAI KEMUNGKINAN YANG MENARIK.

BELIAU MEMBERI JAMINAN KEPADA PARA PEMIMPIN CHINA TENTANG KOMITMEN MALAYSIA UNTUK MENGADAKAN HUBUNGAN BAIK DENGAN CHINA BERDASARKAN PRINSIP HIDUP BERSAMA DALAM AMAN.

BELIAU BERHARAP BIDANG EKONOMI AKAN MENONJOL DALAM HUBUNGAN PADA DEKAD AKAN DATANG SEBAGAIMANA MENONJOLNYA BIDANG POLITIK DALAM DEKAD PERTAMA HUBUNGAN.

PERDANA MENTERI TELAH BERUCAP DI MAJLIS JAMUAN MERAIKAN BELIAU OLEH PERDANA MENTERI CHINA ZHAO ZIYANG DI DEWAN BESAR RAKYAT DI MEDAH TIANANMEN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENGETUAI SEROMBONGAN 200 ORANG KEBANYAKANNYA AHLI PERNIAGAAN MELAWAT CHINA SEMBILAN HARI. -- LAGI.

MAHATHIR - UCAPAN 2 BEIJING R R R

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KEUTAMAAN HARUS DIBERI BAGI MENYELESAIKAN +ISU-ISU TERTENTU YANG POKOK+ YANG MENGHALANG PERTUMBUHAN HUBUNGAN SECARA KESELURUHANNYA.

+ SEDANG KITA BERUSAHA MENYELESAIKAN MASALAH YANG UJUD, PEMIKIRAN KITA HENDAKLAH MENGENAI MASA DEPAN DAN BAGAIMANA KITA DAPAT MEMBERI LEBIH ERTI TERHADAP HUBUNGAN KITA.+

BELIAU BERKATA KEDUA-DUA NEGARA TIDAK HARUS MEMBIARKAN SEJARAH MENGHALANG KEMAJUAN HUBUNGAN.

+MALAYSIA DAN CHINA MESTILAH MENGHADAPI SECARA RASIONAL RUMUSAN YANG TIDAK DAPAT DIELAKKAN YANG KEGAGALAN KITA MENYELESAIKAN SEPENUHNYA ISU-ISU TERTENTU YANG POKOK BAGI MEMUASKAN KEDUA-DUA PIHAK TELAH MENGHALANG PERTUMBUHAN HUBUNGAN PADA KESELURUHANNYA.

PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU DATANG KEMBALI KE CHINA (BELIAU PERNAH SINGGAH SETENGAH HARI DALAM PERJALANAN PULANG SELEPAS MELAWAT KOREA UTARA DALAM 1979 SEMASA MENJADI TIMBALAN PERDANA MENTERI) BERSAMA +KAPTEN PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN MALAYSIA+ YANG BERMINAT MEMBERI LEBIH ERTI KEPADA PERHUBUNGAN ITU DENGAN SOKONGAN PENUH DARI KERAJAAN. -- LAGI.

MAHATHIR - UCAPAN 3 BEIJING R R R

(I)

BELIAU BERKATA AHLI-AHLI PERNIAGAAN ITU INGIN MENINJAU SECARA SERIUS SETIAP PELUANG BAGI MENGADAKAN KERJASAMA EKONOMI UNTUK MEMPERCEPAT DAN MENINGKATKAN LAGI NILAI HUBUNGAN DUA HALA.

KETIKA MENGGESA SUPAYA DIWUJUDKAN PERDANGAN YANG LEBIH SEIMBANG DAN SECARA LANGSUNG PERDANA MENTERI MENARIK PERHATIAN BAHAWA PERDAGANGAN DUA HALA TELAH MEROSOT SEJAK TAHUN 80-AN.

+KITA MESTI MENENTUKAN BAHAWA KENYATAAN YANG TIDAK DIIKUTI DENGAN TINDAKAN DAN PERHATIAN WAJAR, SEPERTI YANG TELAH BERLAKU KEPADA HUBUNGAN DUA HALA YANG LAIN, TIDAK PULA BERLAKU KEPADA HUBUNGAN MALAYSIA - CHINA.+

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA MALAYSIA DAN CHINA TIDAK HARUS MEMBIARKAN SEJARAH MENGHALANG KEMAJUAN HUBUNGAN MEREKA.

+DI NEGARA DI MANA SEJARAH TELAH MELIPUTI TEMPOH BERATUS-RATUS TAHUN SUDAH MENJADI ADAT KITA MENGAMBIL PERSPEKTIF YANG LEBIH PANJANG.

PERDANA MENTERI TELAH MERUJUK KEPADA JAMINAN-JAMINAN MASA LALU PARA PEMIMPIN CHINA BAHAWA SESETENGAH ISU DUA HALA MERUPAKAN +SAKI-BAKI DARIPADA SEJARAH DAN MASA AKAN MENYELESAIKANNYA+.

BELIAU BERKATA BANYAK LAGI BOLEH DILAKUKAN MALAH PERLU DILAKUKAN BAGI MENJADIKAN HARAPAN YANG TINGGI, KETIKA KEDUA-DUA NEGARA MULA MENGADAKAN HUBUNGAN FORMAL, SEBAGAI KENYATAAN.

BELIAU BERKATA TUGAS MASA DEPAN TIDAKLAH MUDAH, +TETAPI IA ADALAH SATU USAHA YANG BERHARGA BAGI RAKYAT KITA DAN KEAMANAN DAN KESTABILAN RANTAU INI.+ -- BERNAMA.

1927MST 20 11 85